

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 (10)

30 Januari 2020
5 Jamadilakhir 1441

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 6/2020

PENANGGUHAN KENAIKAN GAJI TAHUNAN (KGT) 2020 BAGI STAF YANG TIDAK MEMBUAT PERISYTIHARAN HARTA

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia (JKSM) Bil. 6/2019 pada 2 Disember 2019 telah meluluskan dan telah diambil maklum oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 28/2019 pada 23 Disember 2019 berkaitan Penangguhan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) 2020 bagi Staf yang Tidak Membuat Perisytiharan Harta.

2. Penangguhan KGT ini adalah selaras dengan Perkara 9 (1) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000, iaitu semua staf diwajibkan mengisytiharkan harta yang dimilikinya dan kegagalan mengisytiharkan harta boleh menyebabkan staf dikenakan tindakan tatatertib. Staf dikehendaki membuat Perisytiharan Harta sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun dan dikira berdasarkan tarikh terakhir Perisytiharan Harta dibuat. Sehubungan dengan itu, **staf yang gagal membuat Perisytiharan Harta akan ditangguh Kenaikan Gaji Tahunan bagi tahun 2020.**

3. Selaras dengan itu juga, Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib (Perisytiharan Harta) Bil. 1/2019 pada 24 Disember 2019 juga bersetuju agar mana-mana staf yang masih gagal membuat perisytiharan harta pada Disember 2020, **tindakan tatatertib akan dikenakan terhadap staf tersebut.**

4. Perlu juga diingatkan tanggungjawab Ketua Jabatan sepertimana dinyatakan di bawah Peraturan 21, Peraturan-peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, **Ketua Jabatan perlu menjalankan tugas kawalan dan pengawasan tatatertib ini dengan mengarahkan mana-mana pegawai yang didapati tidak membuat perisytiharan harta untuk membuat perisytiharan segera, yang mana jika gagal, Ketua Jabatan turut boleh dikenakan tindakan tatatertib.**


...2/-

5. Oleh yang demikian, mohon kerjasama semua staf UTM untuk mengambil maklum akan perkara ini.

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan – Kampus Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

ND/mhy/